

20 DEC 1996

Misuari-Contoh

MALAYSIA KINI CONTOH UNTUK BAGI PEMBANGUNAN DI MINDANAO

KUANTAN, 20 Dis (Bernama) -- Mindanao akan menjadikan Malaysia sebagai contoh utama dalam pembangunan berikutan prestasi cemerlang yang dicapai negara ini dalam pelbagai bidang, kata Gabenor wilayah Islam Mindanao Nur Misuari hari ini.

Malaysia mempunyai rekod ekonomi dan politik yang baik, katanya selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan Pahang yang disampaikan Pengarah Unit Perancangan Ekonomi negeri Datuk Baseri Lamsah di Wisma Seri Pahang di sini.

Misuari dan anggota rombongan 20 orang juga ditunjukkan klip video dan slaid media mengenai pembangunan Pahang pada taklimat tiga jam itu.

Sebelum itu, beliau mengunjung hormat Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob. Mereka tiba dari Kuala Lumpur hari ini sebagai sebahagian lawatan seminggu ke Malaysia bermula Ahad lepas untuk menarik pelabur Malaysia ke selatan Filipina.

Misuari berkata beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi kerana kesediaan mereka untuk memanjangkan pengalaman Malaysia dan membantu dalam membangunkan Mindanao.

Selepas dilanda kekacauan dan peperangan bertahun-tahun lamanya, kini beliau berharap untuk membawa perubahan dalam bentuk kemajuan dan pembangunan ke Mindanao dengan bantuan negara-negara Islam.

Khalil sementara itu berkata Pahang akan membantu Mindanao dalam memajukan tanahnya seperti rancangan Felda untuk menghapus kemiskinan dan bersedia memberi bantuan teknikal dan kepakaran.

Katanya Pahang juga bersedia melatih penduduk Mindanao menjadi pekerja mahir dalam pelbagai bidang.

"Kami juga bersedia menghantar pengajar dan pakar untuk melatih penduduk Mindanao dalam negara mereka sendiri yang akan lebih murah berbanding jika Mindanao menghantar orangnya ke sini," katanya.

Beliau juga mencadangkan wilayah Islam Mindanao melaksanakan dasar pembangunan tiga atau lima tahun dan membuat penilaian tahunan mengenai pelaksanaan program-program pembangunannya agar kejayaannya tercapai dalam rangka kerja tertentu.

"Mindanao mempunyai kelebihan kerana mereka boleh belajar daripada rancangan pembangunan lima tahun Malaysia dan memperbaikinya ... satu jalan pintas menuju kejayaan," katanya.

Beliau berkata Pahang pada satu ketika juga mengalami apa yang dirasai Mindanao berkenaan pembangunan, kerana negeri-negeri Pantai Timur tidak diberi perhatian semasa zaman penjajahan, sebaliknya aktiviti ekonomi banyak tertumpu di negeri-negeri pantai barat.

Katanya Mindanao boleh belajar daripada pengalaman Pahang yang kini mempunyai misi untuk menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri maju dan membangun dengan ekonomi yang dinamik menjelang tahun 2020.

Misuari seterusnya menghabiskan masa 20 minit melawat pameran foto mengenai ulang tahun ke-50 Umno di sebuah pusat membeli belah di sini anjuran akhbar New Straits Times.

Beliau kemudian mengerjakan solat Jumaat di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah di sini.

Beliau dijadual melawat kawasan perindustrian Gebeng dan rancangan tanah Felda Bukit Sagu, kira-kira 20 kilometer dari sini petang ini.

-- BERNAMA

AZ AHH